SEJARAH TAHUN 5
TAJUK : IDENTITI NEGARA KITA - BENDERA KEBANGSAAN MALAYSIA

Arahan : Susun peristiwa penciptaan bendera kebangsaan dengan betul. (Seret dan letak pada tempat yang betul)

Rekaan Encik Mohamed bin Hamzah dipilih sebagai rekaan yang terbaik. Rekaan beliau mengandungi 11 jalur berwarna biru dan putih serta terdapat bulan sabit dan bintang pecah lima.

Buat pertama kali, bendera Persekutuan Tanah Melayu dikibarkan di perkarangan Istana Sultan Selangor pada 26 Mei 1950. Pada 16 September 1963, bendera kebangsaan mengandungi 14 jalur dan bintang pecah 14.

1949 – penganjuran pertandingan mereka cipta bentuk bendera Persekutuan Tanah Melayu oleh Majlis Perundangan Persekutuan.

Beberapa pindaan dibuat terhadap rekaan Encik Mohamed bin Hamzah. Jalur warna biru ditukar kepada warna merah dan terdapat 11 jalur berwarna merah dan putih.

Sebanyak 373 penyertaan diterima namun hanya tiga rekaan bendera dipilih pada peringkat akhir. Keputusan akhir telah diumumkan dalam akhbar The Malay Mail.

Majlis Perundangan Persekutuan telah meluluskan rekaan bendera Persekutuan Tanah Melayu pada April 1950. Bendera yang diluluskan ini mengandungi 11 jalur dan terdapat juga bintang pecah 11.

Jawapan:

1

2

3

4

5

6

~nyi~

LIVEWORKSHEETS